

DATE: 20 / 03 / 2000

Utusan
MALAYSIA

ISNIN 20 MAC, 2000

RAJA MELAYU DAN PENYATUAN BANGSA

PERKARA 3, Perlembagaan Persekutuan menetapkan raja-raja Melayu adalah ketua atau penjaga (*custodian*) agama Islam bagi negara ini. Raja-raja Melayu, di bawah kuasa yang diperuntukkan boleh menasihati umat Islam secara langsung mahupun tidak langsung.

Fungsi raja-raja Melayu bukan sekadar menentukan tarikh permulaan puasa atau Hari Raya, tetapi lebih daripada itu berperanan memastikan hal ehwal Islam di negara ini sentiasa berada dalam keadaan sempurna dan penganutnya tidak tersesat atau disesatkan. Oleh itu, kedudukan istimewa mereka yang tidak terlibat dalam politik membolehkan raja-raja Melayu menumpukan perhatian kepada soal-soal berkenaan.

Suasana semasa umat Islam di negara ini, yang memperlihatkan wujud perpecahan yang ketara akibat teretusnya pandangan dan ajaran yang bertentangan dengan akidah, menghendaki raja-raja melaksanakan tanggungjawab mereka secara proaktif.

Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, institusi raja boleh berperanan untuk membendung gejala negatif yang boleh menghancurkan perpaduan umat Islam di negara ini. Berdasarkan perlembagaan, sebarang aktiviti atau tindakan untuk mengeksploitasi agama Islam sebagai alat politik, misalnya, jelas bertentangan dengan status Islam di bawah Perkara 3 itu.

Menurut Datuk Rais Yatim dalam ruangan *Isu, Minggu Malaysia* tidak lama dulu, keadaan ini jauh sekali terpesong dan menyeleweng jika Islam dijadikan pula sebagai alat dan bahan politik yang memecahbelahkan orang Islam di negara ini. Jelas sekali dalam ketamakan kuasa politik sekarang, unsur-unsur eksploitasi tersebut memang berlaku dan sedang berlaku. Apa yang menyedihkan, pihak-pihak berkenaan sewenang-wenangnya mengeluarkan 'fatwa-fatwa' dan pandangan-pandangan yang sama sekali bertentangan dengan akidah Islam. Fatwa-fatwa ini ditanamkan ke dalam fikiran para pengikut mereka sehingga menimbulkan perasaan taksub teramat sangat kepada para pemimpin dan kumpulan tersebut.

Perpecahan jelas berlaku apabila fahaman ini bercanggah dengan kumpulan Islam yang lain. Akhirnya perbezaan ini akan mencetuskan perpecahan yang jika tidak dibendung

boleh menghancurkan umat berkenaan. Di kawasan-kawasan pedalaman, perkampungan dan desa-desa, fenomena kehakisan perpaduan ini sedang berlaku dengan amat dahsyat sekali. Apa yang menghairankan kita para ulama dan mufti-mufti yang dilantik oleh raja semacam dihindangi sindrom bisu. Mereka berdiam diri tidak mahu mengeluarkan sebarang nasihat atau penjelasan berhubung perkara-perkara yang ternyata menyimpang daripada ajaran Islam sebenar. Contohnya, 'fatwa' yang mendakwa meletakkan bendera bulan penuh di kepala jenazah lalu ditanam bersama membolehkan si mati masuk syurga. Hal ini didekahkan oleh Timbalan Perdana Menteri, tetapi perkara seperti ini biasanya tidak akan disentuh atau diperbetulkan oleh golongan alim ulama. Sebab itulah raja-raja Melayu, sebagai ketua agama, perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka secara proaktif bagi memastikan gejala yang membimbangkan ini dibendung dan dihapuskan.

Pendekatan yang lebih tegas hendaklah diambil bagi memastikan gejala-gejala negatif akibat kegilaan pihak-pihak tertentu dapat dihentikan segera.

Umat Islam di negara ini perlukan kekuatan bukan kehancuran. Kita mahu melihat Raja-raja Melayu bertindak memandangkan penyelewengan akidah umat Islam sudah berada di tahap serius. Sebagai institusi yang amat ditaati oleh orang Melayu, pengaruh tersebut boleh digunakan oleh raja-raja sebagai usaha untuk menyatupadukan semula masyarakat Islam.